

19/06/1998

MDC bantu syarikat perolehi pembiayaan Tabung IKS

PERBADANAN Pembangunan Multimedia (MDC) sedang mengatur proses mempermudah syarikat berstatus MSC terutama usahawan kecil dan sederhana untuk memperolehi pembiayaan daripada institusi perbankan menerusi Tabung IKS yang berjumlah RM1.5 bilion.

Pengarah Perkhidmatan Pelanggan MDC, Dr Mohd Ghazie Ismail, berkata MDC mengadakan beberapa perundingan dengan bank yang dipertanggungjawabkan menyalurkan dana itu yang diselia oleh Bank Negara Malaysia.

Menurutnya, beberapa syarikat yang terbabit dalam industri teknologi maklumat (IT) dan multimedia mengemukakan pertanyaan mengenai sumber pembiayaan daripada Pusat Nasihat dan Rundingan Usahawan MDC (MDC Access), iaitu satu unit yang ditubuhkan oleh perbadanan itu bagi memberi perkhidmatan rundingcara kepada industri terbabit.

"Bagaimanapun, buat masa ini reaksi pihak bank terhadap cadangan aturan pembiayaan ini belum dapat ditentukan walaupun dana untuk IKS memang ada disediakan," katanya kepada pemberita pada majlis bertemu media yang dianjurkan oleh Aptech-Worldwide Sdn Bhd, di Kuala Lumpur, semalam.

Tindak balas sektor perbankan yang keberatan membiayai kegiatan syarikat perniagaan ditegur keras oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika melawat Cyberjaya, pada hari Selasa.

Baru-baru ini, Bank Negara menambah saiz Tabung IKS dari RM1 bilion kepada RM1.5 bilion serta memperluaskan sektor yang layak menerima pembiayaan bertujuan memastikan kegiatan ekonomi yang produktif tidak terjejas oleh langkah kekangan kredit yang dikenakan.

Sektor perbankan tempatan dikatakan bertindak keterlaluan dalam menyekat pemberian kredit sehingga menjejaskan syarikat berdaya maju terutama dalam sektor IKS.

Mohd Ghazie berkata, proses aturan pembiayaan yang dicadangkan itu adalah serupa dengan perkhidmatan lain yang disediakan oleh MDC Access iaitu mempermudah laluan syarikat bagi melicinkan kegiatan perniagaan mereka dalam menjayakan pembangunan MSC.

Antara perkhidmatan yang disediakan ialah mempermudah proses kemasukan pekerja pengetahuan yang diperlukan oleh syarikat berstatus MSC.

"Menerusi perkhidmatan ini, MDC Access akan berunding dengan setiap satu pihak berkuasa terbabit, misalnya, Jabatan Imigresen dalam kes kemasukan pekerja pengetahuan, bagi membolehkan proses kemasukan mereka berjalan lancar. Begitu juga dengan proses sumber pembiayaan," katanya.

Selain Tabung IKS, tegasnya, syarikat IT dan multimedia juga boleh mendapatkan sumber pembiayaan menerusi geran penyelidikan dan pembangunan (MGS) yang berjumlah RM100 juta.

(END)